

26 JUN 1998

Mahathir-Nepotisme

ISU NEPOTISME DIGUNA UNTUK JATUHKAN PEMERINTAHAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata isu nepotisme dijadikan isu politik di negara ini untuk menjatuhkan pemerintahan yang tidak tunduk dan tidak akur kepada Barat.

Beliau berkata orang asing mahu kerajaan Malaysia jatuh bukan kerana mahu orang yang menjuarai isu itu naik tetapi orang yang nak naik pun akan terhutang budi dengan sokongan yang diberikan barat itu.

Orang yang menimbulkan isu nepotisme di negara ini dianggap baik oleh media barat sedangkan beliau sendiri adalah sama dengan yang lain, bahkan lebih buruk lagi cuma ia tidak didedahkan kepada pengetahuan umum, katanya ketika berucap merasmikan seminar kepimpinan mahasiswa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di sini hari ini.

"Kalau kita nak baling lumpur hendaklah berhati-hati, takut terkena muka kita sendiri. Jangan cepat nak cari untung daripada sesuatu untuk diri sendiri sehingga kita memburukkan diri sendiri," katanya semasa memberi ucapan utama pada seminar yang dihadiri kira-kira 300 pemimpin pelajar universiti tempatan itu.

Dr Mahathir meminta para pelajar di negara ini tidak mudah dipengaruhi oleh isu nepotisme kerana ia tidak berlaku di Malaysia.

Apa yang diutamakan kerajaan dalam pemberian projek misalnya ialah kebolehan seseorang itu.

"Reformasi di Indonesia tidak ada kena mengena dengan kita," katanya.

Beliau berkata reformasi Indonesia memang untuk menghapuskan nepotisme dan kronisme tetapi reformasi di Malaysia ialah untuk mengubah pemikiran, budaya dan nilai-nilai rakyat negara ini.

Perdana Menteri tidak menafikan berlaku nepotisme di Indonesia bahkan beliau sendiri mempunyai senarai syarikat-syarikat yang dimiliki keluarga bekas Presiden Indonesia Suharto yang menguasai hampir semua perniagaan di republik itu.

Katanya beliau memberi maklumat itu bukan untuk mendedahkan keburukan orang lain tetapi beliau terpaksa berbuat demikian kerana ada orang yang sering membandingkan Indonesia dengan Malaysia dalam isu nepotisme.

Beliau mengingatkan pemimpin pelajar dan mahasiswa di negara ini supaya bijak membandingkan antara yang baik dan yang buruk kerana mereka bakal mewarisi kepimpinan negara, dan jika mereka memilih yang buruk ia akan merosakkan negara.

"Saya khuatir saudara saudari terpengaruh, apa akan jadi kepada negara kalau saudara saudari tidak boleh mengasingkan yang baik dengan yang buruk.

"Sebelum angkat senapang tembak, kita tentukan dahulu sama ada orang itu sasaran kita, kalau kita terbawa-bawa dengan hujah beberapa kerat orang ini yang mempunyai kepentingan diri, kita bangun dan hapuskan nepotisme, kronisme dan jatuhkan kerajaan.

"Kita tidak untung, yang untung orang ini, orang ini punya agenda sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah membangun dengan pesat sehingga dunia Islam menganggapnya sebagai negara Islam contoh.

Jika rakyat negara ini memusnahkan contoh negara Islam ini, ia akan menyebabkan perpecahan ummah dan orang asing akan kembali menjajah negara.

Beliau juga mengingatkan para pelajar mengenai bahaya istilah-istilah yang diperkenalkan barat untuk menjajah pemikiran manusia bagi keuntungan mereka seperti globalisasi dan liberalisasi.

Katanya orang di Malaysia lebih menjadi pengguna sedangkan orang barat mencipta pelbagai perkara termasuk alat-alat teknologi maklumat yang menyebabkan dunia kini menjadi sebuah perkampungan sejagat dan berupaya membentuk pemikiran penggunanya.

"Kita sebenarnya sudahpun dijajah, pemikiran kita dijajah, walaupun kita mendapat maklumat tempatan secara terus daripada kerajaan tempatan tetapi kita terdedah kepada kuasa-kuasa asing ini yang begitu cekap dengan psikologi propaganda," katanya.

Barat juga mencipta perniagaan mata wang untuk mereka tentukan nilai mata wang di dunia ini yang boleh naik atau jatuh nilainya supaya negara-negara seperti Malaysia menjadi miskin.

Apabila negara menjadi miskin sehingga terpaksa meminta sedekah, mereka akan mengenakan pelbagai syarat dan negara terpaksa menurut kehendak mereka dan kembali terjajah, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata Barat cuba mengaitkan kejatuhan nilai mata wang yang mengakibatkan kegawatan ekonomi sekarang kepada kegagalan pemerintah dan mencari alasan supaya rakyat bangun dan menjatuhkan kerajaan agar mereka dapat masuk dan berkuasa.

"Mereka ciptalah, kononnya negara kita mengamalkan nepotisme, kroni kapitalisme, korupsi dan sebagainya, mereka gambar-gemburkan perkara ini dan mereka menggunakan cara-cara tertentu untuk mempengaruhi kita," katanya.

Beliau berkata banyak juga orang di Malaysia terpengaruh kerana kepentingan diri dan mengaitkan kejatuhan presiden Indonesia kerana amalan seperti nepotisme dan kronisme.

"Mereka samakan Malaysia dengan Indonesia dan mereka bertanya kapan lagi? Saya tahu ada pemimpin-pemimpin penuntut dari Indonesia yang dibawa khusus ke Malaysia oleh orang yang berminat mendapat tempat bagi diri sendiri dan mereka cuba menghasut di negara kita," katanya.

Sistem pemerintahan di Indonesia dan Malaysia amat berbeza dari segi pilihan raya serta proses penggubalan undang-undang, katanya.

Seminar selama tiga hari yang bermula semalam itu, berlangsung di Universiti Tekonologi Malaysia (UTM), Jalan Semarak di sini.

-- BERNAMA

AFY RON